

13/08/2002

Kerusi baru dipakai jika pilihan raya selepas Jun 2003

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerusi baru Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), masing-masing berjumlah 25 dan 59 di bawah cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya, boleh diguna pakai jika pilihan raya umum akan datang diadakan selepas Mei atau Jun tahun depan.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata ini kerana menjelang tarikh terbabit, prosesewartakan kawasan baru pilihan raya itu dijangka selesai.

"Kita menjangka cadangan mewujudkan kerusi baru itu akan dibentangkan pada sesi Dewan Rakyat Mac depan. Jika diluluskan, SPR memerlukan sebulan dua lagi untuk kita serahkan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan serta tandatangan," katanya ketika dihubungi.

Tambahan kerusi baru itu dipamerkan kepada orang ramai mulai Khamis lalu selama sebulan. Dengan penambahan itu, jumlah kerusi Parlimen meningkat kepada 219 daripada 194 sekarang, manakala kerusi DUN meningkat kepada 563 daripada 504 sekarang.

Wan Ahmad berkata, cadangan tambahan kerusi itu dipamer di seluruh negara selama sebulan dan pihak terbabit seperti kerajaan tempatan, kerajaan negeri, kerajaan pusat serta pemilih berdaftar boleh membuat bantahan terhadap cadangan persempadanan itu dalam tempoh itu.

Jika mendapat bantahan, maka siasatan awam akan dilakukan selepas itu iaitu mulai bulan depan sehingga akhir Oktober.

"Jika ada sekurang-kurangnya 100 pemilih berdaftar membuat bantahan, kita akan menimbang untuk mengadakan siasatan awam jika didapati representasi munasabah dan menepati prinsip undang-undang serta kehendak SPR," katanya.

Katanya, siasatan awam atau siasatan tempatan itu mungkin mengambil masa dua bulan bergantung kepada jumlah bantahan yang diterima.

"Kemudian kita akan mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan di Parlimen bersama draf perintah bersama mengikut Seksyen 12, Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan.

"Kemudian Perdana Menteri akan membentangkan draf perintah itu di Parlimen. Jika separuh daripada ahli Parlimen menyokong cadangan itu, maka ia akan diluluskan tanpa perlu sokongan dua pertiga. Selepas diluluskan oleh Parlimen itu, Perdana Menteri akan mengemukakan drafnya untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Katanya, semua proses itu akan selesai menjelang pertengahan tahun depan.

Mandat kerajaan sekarang akan tamat pada November 2004 tetapi ramai percaya pilihan raya umum ke-11 kemungkinan besar diadakan tahun depan.

Bagaimanapun kenyataan terbaru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Julai lalu membayangkan kemungkinan pilihan raya umum itu diadakan selepas Oktober tahun depan apabila menyatakan bahawa timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Sebelum ini, Perdana Menteri sudah menamakannya Abdullah sebagai penggantinya apabila beliau bersara mulai Oktober 2003.